



**SULTAN SELANGOR** Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Dr Mahathir Mohamad, semalam.

# Pendekatan sains majukan pertanian

KUALA LUMPUR: Pendekatan sains yang lebih teratur dalam kajian pertanian perlu diterima dan diterapkan supaya Malaysia dapat mendahului negara lain dalam industri pertanian, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, bukan sesuatu yang mustahil sekiranya industri pertanian dikembangkan untuk memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara.

Katanya, pengajian sains pertanian dalam semua jurusan perlu ditingkatkan bagi memenuhi keperluan ahli sains pertanian yang ramai supaya dapat memperkenalkan lebih banyak tumbuh-tumbuhan untuk mempelbagaikan makanan dan ubatan.

"Untuk menampung keperluan ini kita memerlukan makmal yang lebih canggih serta bajet yang lebih besar untuk tujuan kaji selidik dan pembangunan," katanya sebelum menerima Ijazah Kehormat Doktor Sains dari Universiti Putra Malaysia (UPM) di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Serdang, semalam.

Majlis penganugerahan bersempena majlis konvokesyen ke-28 UPM itu turut dihadiri isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Dr Mahathir berkata, pertanian tidak boleh dipisahkan daripada pendekatan sains sebagai satu cabang ilmu yang diasaskan kepada apa yang dapat disahkan oleh akal fikiran manusia melalui panca-indera.

Bagaimanapun sains tidak menidakkan kuasa Tuhan terhadap segala kejadian dan sains tidak dapat menjawab soalan kenapa sesuatu itu berlaku, ia hanya menjawab soalan bagaimana ia berlaku, katanya.

"Penjelasan ini dibuat kerana masih terdapat pihak yang tidak faham apa itu sains dan sering menganggapnya sebagai ilmu sekular yang boleh menghakis kepercayaan agama dan tidak penting dipelajari," katanya. – Bernama